

19/05/1997

Giat Mara rombak kurikulum elektronik

BIDANG teknikal bukan sahaja memainkan peranan utama dalam dunia perindustrian, malah ia merupakan satu pelaksanaan yang mempunyai skop luas untuk diterajui oleh semua sektor di negara ini. Sebab itulah, kemasukan dunia teknologi moden ke Malaysia menjadi titik tolak kepada Pusat Giat Mara untuk mengembangkan bakat pelatih pusat berkenaan dalam dunia teknikal.

Ketua Eksekutif Giat Mara, Hashim Ahmad, berkata buat permulaannya, Giat Mara merombak semula kurikulum elektronik bagi membolehkan pihaknya memperkenalkan kursus Teknologi Maklumat (IT) di kepada pelatih baru, mulai awal tahun ini.

Rombakan itu dijalankan sebagai menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memajukan Koridor Raya Multimedia (MSC) di negara ini. Antara rombakan yang dijalankan dalam kurikulum elektronik itu ialah memasukkan modul membaiki komputer dan peralatan multimedia.

"Kemasukan modul berkenaan dalam kursus baru itu bagi memastikan negara mempunyai lebih ramai pakar untuk membaiki peralatan komputer sekali gus kita tidak memerlukan tenaga luar untuk memajukan bidang ini di Malaysia," katanya. Setakat ini hanya 20 pelajar ditawarkan mengikuti kursus berkenaan selama setahun di Pusat Giat Mara Kuala Lumpur dan mungkin jumlah itu akan ditambah tahun depan.

"Kita memperkenalkan kursus ini memandangkan semakin ramai masyarakat menggunakan komputer di rumah, sedangkan tidak ramai yang tahu membaiki alat berkenaan. Sebab itu kita mengubah suai kurikulum elektronik supaya pelajar dapat mempelajari selok-belok IT dan mereka dapat membantu kerajaan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berteknologi," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di pejabatnya, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

"Masyarakat perlu tahu bahawa pengwujudan MSC adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan perlu diterima dalam menghadapi zaman teknologi moden. Saya rasa pengwujudan kursus ini di Pusat Giat Mara amat bersesuaian dengan saranan kerajaan," katanya.

Menurutnya, Pusat Giat Mara bukan sahaja melahirkan tenaga mahir dalam bidang elektronik, kimpalan dan pembinaan, malah meliputi semua bidang termasuk IT. Kita juga perlu bersaing dengan pusat latihan di negara ini supaya Pusat Giat Mara terus mendapat perhatian dan mampu melahirkan generasi moden di alaf baru," katanya.

Ekoran daripada itu, Giat Mara terus menunjukkan peningkatannya untuk memperkenalkan bidang kemahiran yang dipelopori oleh pelatih di negara ini kepada dunia luar menerusi teknologi moden. Akhir tahun lalu, Giat Mara memasuki Internet supaya lebih ramai masyarakat luar mengenali barangan buatan yang dicipta sendiri oleh rakyat Malaysia.

Kemasukan pusat itu dalam Internet adalah salah satu usaha pihak pengurusan Mara untuk memajukan lagi perhubungan teknologi negara kepada dunia luar. Ia juga selaras dengan peranan Giat Mara yang kini bersedia memberikan latihan kemahiran secara lebih teknikal kepada belia tempatan dan luar negara.

"Dengan wujudnya Giat Mara menerusi Internet, seluruh dunia dapat mengetahui secara mendalam mengenai aktiviti latihan yang dikendalikan pusat ini, termasuk konsep, falsafah dan metodologi yang berkaitan dengannya," katanya.

Sehubungan itu, pihak yang ingin tahu secara lanjut program yang

disediakan oleh Giat Mara boleh mengambilnya menerusi nombor Internet iaitu <http://www.ims.com.my/gmara/kursus.htm>. Tujuan utama pihaknya memasukkan butiran lanjut dalam Internet ialah untuk memperluaskan lagi maklumat mengenai program yang disediakan oleh pusat itu.

"Dengan adanya Giat Mara dalam Internet, saya berharap golongan Bumiputera sentiasa diberi peluang yang secukupnya selaras dengan kehendak negara," katanya. Antara maklumat yang boleh diperoleh menerusi Internet ialah jenis kursus, tempoh latihan, calon yang layak, konsep pelaksanaannya dan kemudahan latihan.

(END)